

KENYATAAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
30 OKTOBER 2015

1. TARIKH BIL CUKAI TAKSIRAN UNTUK PENGGAL PERTAMA 2016

Sukacita di sini saya memaklumkan bahawa bil cukai taksiran bagi **Penggal Pertama 2016** akan mula diterima oleh semua pemilik premis di seluruh Seberang Perai mulai **15 November 2015** dan pembayaran perlu dibuat sebelum atau selewat-lewatnya pada **29 Februari 2016**. Bil cukai taksiran juga boleh disemak di Kaunter Bayaran MPSP atau di laman web MPSP iaitu www.mpsp.gov.my.

Pembayaran cukai taksiran boleh dibuat di semua kaunter MPSP, laman web dan agen-agen yang sah dilantik oleh MPSP.

2. PROMOSI BAYARAN CUKAI PINTU TAHUN 2016

Di sini saya juga ingin memaklumkan bahawa, MPSP sekali lagi akan mengadakan Promosi Bayaran Cukai Pintu kepada pembayar cukai taksiran mulai 15 November 2015 hingga 31 Disember 2015. Pemilik premis yang membayar **keseluruhan**

cukai tahunan 2016 berserta tunggakan (jika ada) akan diberi kupon letak kereta percuma sebagai cenderamata serta layak menyertai cabutan bertuah.

Antara hadiah-hadiah cabutan bertuah yang ditawarkan adalah seperti berikut:

- (a) Peralatan senaman & rekreasi seperti “Self Balancing Unicycle”, basikal/mountain bike pelbagai jenis dan spesifikasi.
- (b) Perkakasan teknologi maklumat / telekomunikasi seperti *Apple Product*, telefon pintar serta *tablet pc* dan komputer riba pelbagai jenis.
- (c) Barang elektrik / peralatan & perkakasan rumah seperti TV, mesin basuh, *microwave* dan sebagainya.

Bagi promosi kali ini, MPSP juga memperkenalkan satu (1) kategori baru iaitu cabutan bertuah khusus kepada pemilik yang membayar **keseluruhan cukai tahunan 2016 berserta**

tunggakan (jika ada) dan bayaran mestilah dibuat secara online dalam tempoh yang telah ditetapkan. Sebanyak lima (5) hadiah berupa alat telekomunikasi seperti telefon pintar serta *tablet pc* disediakan bagi kategori ini.

Stok cenderamata adalah terhad. Cenderamata ini boleh dituntut di semua kaunter bayaran MPSP dengan mengemukakan bukti pembayaran.

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi di 04-5497470/ 471/ 697/ 696/468/790 atau e-mail di waran@mpsp.gov.my.

3. PEGAWAI BARU BERJAWATAN TETAP KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

Sebagai makluman, MPSP telah melantik seorang Pegawai Pengurusan & Profesional ke jawatan tetap pada 1 Oktober 2015 di dalam usaha memantapkan lagi pentadbiran Majlis. Pegawai tersebut, adalah Encik Mohd Hazren bin Mohd Zahir, Pegawai Perancang Bandar dan Desa, Gred J41, yang ditugaskan di Jabatan Perancang Bandar.

4. PENCAPAIAN MPSP BERKAITAN INOVASI

Sukacita saya memaklumkan MPSP telah menerima beberapa anugerah inovasi seperti berikut:

Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) KPKT

2015

Inovasi MPSP iaitu :-

- i. Kaunter Bergerak Multi Skill
- ii. Profesional Sniper Gadget (PSG)
- iii. Sistem Pemantauan Pintar (SPP)
- iv) Self Manage Recycle Center (SMRC)

MPSP telah berjaya disenarai pendekkan dalam enam (6) finalis terbaik dari 19 penyertaan PBT dalam Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) 2015 dan telah mendapat Insentif Penghargaan sebanyak RM 100,000.00 daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Majlis Penyerahan telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada 22 Oktober 2015. Keputusan muktamad akan diumumkan pada November 2015.

Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

Kumpulan KIK (Kumpulan Inovatif dan Kreatif) 3i dari Jabatan Perbandaran, Jabatan Perbendaharaan dan Jabatan Kejuruteraan MPSP telah berjaya mendapat Naib Johan dalam Konvensyen KIK Peringkat Negeri Pulau Pinang yang telah diadakan pada 6 Oktober 2015 di Auditorium A, KOMTAR. Pasukan ini juga akan mewakili Negeri Pulau Pinang ke Konvensyen KIK Peringkat Kebangsaan pada 24 - 26 November 2015 di Kuantan, Pahang. Projek yang telah memenangi anugerah tersebut adalah "Lori Kompaktor Berirama"

Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT)

Peringkat Negeri Pulau Pinang

MPSP telah berjaya meraih tiga anugerah pada Majlis Sambutan Hari Inovasi Peringkat Negeri Pulau Pinang yang telah diadakan pada 27 Oktober 2015 di The Gurney Hotel Resort & Residence. Majlis telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Farizan Bin Darus, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Anugerah - anugerah yang dimenangi adalah seperti berikut:-

- i. Anugerah Khas untuk Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan (AIPK) dengan tajuk Projek :
INSENTIF DAN TINDAKAN PUNITIF BAGI KUTIPAN HASIL DAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN oleh Jabatan Perbendaharaan.
- ii. Johan untuk Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) dengan Projek: **KAUNTER BERGERAK MULITISKIL** oleh Kumpulan CMS Team (Kumpulan KIK MPSP 2014).
- iii. Naib Johan untuk Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) dengan Projek : **SISTEM PEMANTUAN PINTAR (SPP)** oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa.

Anugerah Kualiti SIRIM (Kategori Agensi Kerajaan)

MPSP juga telah berjaya meraih Anugerah Kualiti SIRIM (Kategori Agensi Kerajaan) dan Majlis Penyerahan Anugerah tersebut akan di adakan pada Majlis SIRIM - Industri 2015 pada 13 November 2015 di Sunway Resort Hotel and SPA Bandar Sunway, Selangor.

5. MOU MPSP BERSAMA CITY OF YOKOHAMA

Dimaklumkan bahawa MPSP telah menandatangani perjanjian persefahaman (MOU) dengan *City of Yokohama*, University of Yokohama, JICA, USM pada 20 Oktober 2015. Perjanjian ini ditandatangani semasa YBhg. Dato' YDP dijemput sebagai ahli panel di dalam *The 4th Asia Smart City Conference* di Yokohama, Jepun. MOU ini memfokuskan kepada pembangunan tentang Rekabentuk Bandar di Bukit Mertajam. Projek ini mendapat tajaan dan sokongan daripada *Japan International Cooperation Agency* (JICA) selain bekerjasama dengan University of Yokohama, Universiti Sains Malaysia (USM). Projek Rekabentuk Bukit Mertajam akan dilaksanakan selama tiga (3) tahun iaitu dari tarikh 20 Oktober 2015 sehingga 31 Disember 2018.

6. MPSP PAGI BEBAS KENDERAAN @ SEBERANG PERAI

Sukacita dimaklumkan bahawa Program MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai (*MPSP Car Free Morning @ Seberang Perai*) akan diadakan untuk kali ke-7 pada 1 November 2015 (Ahad) di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya. Oleh itu,

jalan ini akan ditutup untuk tujuan tersebut mulai jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Aktiviti yang telah dirancang pada Program CFM adalah gerai jualan dan pameran, senamrobik, *Zumba Fitness*, *Body Combat*, *Busking* dan banyak lagi aktiviti menarik.

7. SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Dimaklumkan bahawa program sihat iaitu Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Jalan Todak 2 dan Jalan Todak 3, Seberang Jaya pada 1 November 2015 (Ahad) sempena Program MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai. Manakala Program Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi, Bagan pada 15 November 2015 (Ahad) dan Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 22 November 2015 (Ahad). Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

8. SAMBUTAN HARI DEEPAVALI

Kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali kepada semua penganut Hindu yang bakal meraikannya pada 10 November 2015 (Selasa) dan hari tersebut merupakan Hari Kelepasan Am.

SEKIAN, TERIMA KASIH.